

12 JAN 2004
DPMMNS-MENTOR
BSN LANTIK DPMMNS SEBAGAI MENTOR

SEREMBAN, 12 Jan (Bernama) -- Dewan Perniagaan Melayu Malaysia cawangan Negeri Sembilan (DPMMNS) dilantik oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) sebagai mentor bagi mengendalikan Skim Mikro-Kredit, kata Yang Dipertuanya Datuk Abdul Murad Ahmad.

Beliau berkata setakat ini sejumlah 35 permohonan peminjam telah diluluskan di bawah skim berkenaan di negeri itu yang keseluruhannya berjumlah RM374,000.

"Walaupun jumlah itu tidak terlalu banyak tetapi yang penting bagi DPMMNS ialah kualiti, keupayaan membayar balik dan projek yang berdaya maju. Kita mensasarkan sekurang-kurangnya seramai 50 peminjam baru pada tahun ini supaya hasrat kerajaan untuk membantu usahawan kecil mencapai matlamatnya," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata Skim Mikro-Kredit sebenarnya adalah batu loncatan bagi peminjam untuk mengorak langkah mengiringi arus pembangunan negara.

Katanya langkah itu juga dapat mengelak usahawan kecil yang berdaya maju daripada terjebak dengan pinjaman dari "Along" yang mana akan menyusahkan mereka kelak.

Menurutnya pakej ransangan ekonomi yang dibentangkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada tahun lepas banyak memberi manfaat khususnya kepada usahawan kecil yang baru menceburkan diri di dalam bidang perniagaan.

Murad berkata DPMMNS memainkan peranan yang penting dalam memberi bantuan dan tunjuk ajar kepada usahawan yang mahu menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

"Kita juga mengalu-alukan usahawan kecil yang mahu meminta pandangan dan bimbingan sebelum memohon pinjaman dari tabung yang disediakan di bawah Bank Negara Malaysia dan institusi kewangan yang lain," katnya.

Mereka yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai kemudahan yang disediakan itu boleh datang ke pejabat DPMMNS di Tingkat 11, Wisma

DPMNS,
Jalan Datuk Bandar Tunggal, 70000 Seremban atau hubungi Norina Mohd
Yatim
di talian 06-7620251 atau 06-7622849.
-- BERNAMA
RP NHD